

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Kajian ini bertujuan meninjau tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah tahun empat menerusi program j-QAF. Di samping itu, kajian ini bertujuan memperoleh satu gambaran tentang masalah-masalah dan faktor-faktor kelemahan murid-murid dalam kemahiran menulis bahasa Arab menerusi program j-QAF.


Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian iaitu: reka bentuk kajian, lokasi kajian, responden kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur penyelidikan dan cara penganalisan data yang diuraikan secara mendalam melalui subtajuk yang ditentukan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian direka untuk meninjau dan melihat tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah menerusi program j-QAF. Menurut Kerlinger (1973) reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam satu pengkajian untuk mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penguasaan responden dalam kemahiran menulis bahasa Arab selaras dengan objektif yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pada masa yang sama, pengkaji juga membina satu set soal selidik bagi mendapatkan maklumat berkaitan data demografi responden serta maklumat berkaitan penguasaan

dan amalan dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Berikut ialah satu reka bentuk kajian:-



Rajah 3.1 : Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk inferential yang boleh digeneralisasikan untuk tempat-tempat lain pada kes yang sama. Data-data diperoleh melalui soal selidik, ujian kemahiran menulis, dan temu bual. Maklumat yang diterima dianalisa secara kualitatif dan kuantitatif. Selain dari memfokuskan kajian ini kepada kemahiran menulis bahasa Arab murid-murid, pengkaji turut melihat masalah-masalah dan faktor-faktor kelemahan murid-murid dalam penguasaan kemahiran ini.

3.2 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya, Jalan Seruling 56, off Jalan Langat, dalam daerah Klang, Selangor Darul Ehsan . Rasional pemilihan sekolah ini sebagai lokasi kajian dilakukan oleh pengkaji berdasarkan kepada beberapa faktor yang difikirkan sesuai bagi memperoleh dapatan kajian yang baik. Antara faktor tersebut adalah:

- i. Sekolah tersebut adalah antara sekolah yang mempunyai murid tahun enam yang mengambil subjek mata pelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana, tidak semua sekolah kebangsaan mempunyai murid tahun enam yang mempelajari bahasa Arab. Murid ini telah mempelajari bahasa Arab dari tahun satu hingga tahun enam.
- ii. Sekolah ini juga mempunyai bilangan murid yang menggalakkan dengan penempatan guru yang terlatih dan berkelayakan. Berdasarkan kepada status sekolah ini, pengkaji yakin bahawa kajian ini amat sesuai dijalankan di lokasi tersebut kerana kajian ini akan mendapat dapatan yang berpotensi dan berkualiti.
- iii. Maklumat sekolah ini telah sedia maklum oleh pengkaji. Guru bahasa Arab j-QAF di sekolah tersebut adalah rakan kepada pengkaji. Faktor ini akan memudahkan lagi perjalanan kajian ini kerana pengetahuan akan sekolah tersebut telah sedia maklum oleh pengkaji.
- iv. Lokasi sekolah yang terletak di kawasan yang memudahkan pengkaji untuk menjalankan urusan pengkajian.

3.3 Latar Belakang Responden Kajian

Menurut Fraenkel & Wallen (1993), kajian kes membolehkan banyak maklumat berkaitan isu yang dikaji diperolehi dengan melaksanakan kajian terhadap individu, kelas, sekolah, atau daerah terlibat. Mohd Majid Konting (1990) juga menyatakan bahawa kajian kes dijalankan iaitu penyelidik mengkaji dan memeriksa individu atau satu unit sosial secara terperinci.

Justeru itu, dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah menggunakan pensampelan jenis rawak mudah iaitu pengambilan sampel secara bebas. Menurut Chua Yan Piaw (2006) prosedur pensampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian.

Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah murid-murid tahun enam seramai 80 orang daripada 105 orang murid-murid bagi sesi persekolahan 2010, murid-murid tersebut terdiri daripada 41 murid lelaki dan 39 murid perempuan. Selain daripada itu juga, temu bual turut dijalankan terhadap guru-guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menerusi program j-QAF. Pemilihan di buat ke atas murid-murid tahun enam sahaja memandangkan mereka adalah kumpulan yang berada di tahap terakhir dalam pelaksanaan kurikulum j-QAF.

Mereka mempelajari bahasa Arab Komunikasi ini dengan peruntukan masa sedia ada iaitu 60 minit seminggu (30 minit x 2 waktu) seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2002 KP (BS) 8591 Jild XVII (8). Peruntukan masa ini adalah berada di dalam waktu rasmi persekolahan (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).

3.4 Kaedah Kajian dan Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kajian kes yang menggabungkan bentuk kualitatif dan kuantitatif. Menurut Mohd Majid Konting (1990), kaedah kajian kes bertujuan mengkaji dan memeriksa individu atau satu unit sosial secara terperinci. Tujuan pengkaji dalam penyelidikan ini adalah untuk meninjau penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid program j-QAF tahun enam di salah sebuah sekolah kebangsaan secara terperinci. Oleh itu, penyelidikan jenis kajian kes ini memang sesuai kerana kaedah ini bukan sahaja membolehkan pengkaji mengenal pasti tahap penguasaan responden terhadap pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab, malahan membolehkan pengkaji memperoleh sebanyak mungkin maklumat berkaitan keadaan yang berlaku.

Bentuk kualitatif yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada jenis temu bual dan satu set ujian kemahiran menulis bahasa Arab. Beberapa orang guru bahasa Arab ditemu bual untuk mendapatkan maklumat yang relevan dengan permasalahan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab. Set soalan ujian kemahiran menulis tersebut telah diolah berdasarkan objektif yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Seterusnya, kaedah berbentuk kuantitatif pula terdiri daripada jenis soal selidik. Sebanyak 80 orang responden dari Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya, Selangor diminta menjawab satu set soal selidik untuk mendapat maklumat demografi responden berserta maklumat berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab j-QAF.

Seterusnya kajian ini dilakukan dengan menggunakan dua kaedah utama pengumpulan data iaitu berdasarkan data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diperoleh sendiri oleh pengkaji melalui tiga instrumen kajian iaitu set ujian kemahiran menulis bahasa Arab, soal selidik murid-murid, dan temu bual bersama

guru-guru yang terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui program j-QAF.

Manakala data sekunder pula adalah data yang lebih mengutamakan penyelidikan perpustakaan dan data tersebut telah di kumpul daripada kajian-kajian berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh penyelidik lain sama ada dalam bentuk buku, majalah, kertas seminar dan sebagainya (Rohana Yusof, 2003). Hasil tinjauan yang dilakukan amat berguna dalam memberi maklumat berkaitan dengan model kajian, dapatan, serta penemuan hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dari dalam mahupun luar negara.

3.5 Prosedur Penyelidikan

Sebahagian besar masa pada peringkat awal kajian ini telah digunakan untuk membuat rujukan terhadap kajian-kajian lepas. Rujukan ini amat diperlukan sebagai memenuhi peninjauan kerangka teori yang merupakan bahagian pertama kajian ini. Pengkaji telah cuba mendapatkan bahan-bahan tentang teori-teori yang berkaitan dengan pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua, dasar pelaksanaan kurikulum bahasa Arab dalam program j-QAF, dan seterusnya memfokuskan kepada kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah.

Segala maklumat yang diperolehi adalah dari buku-buku, majalah-majalah akademik, jurnal-jurnal, kertas pembentangan seminar, koleksi persidangan dan juga internet. Maklumat tersebut disusun bagi menjelaskan teori-teori yang berkaitan dan pelaksanaan kurikulum j-QAF dalam mata pelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah khususnya kemahiran menulis. Pengkaji banyak mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan kurikulum ini dari pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan juga guru-guru yang terlibat dengan pelaksanaan j-QAF.

Bagi melihat penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid, satu set ujian kemahiran menulis telah dibina berdasarkan kepada objektif kemahiran menulis bahasa Arab tahun enam. Set ujian ini diedarkan kepada murid-murid oleh pengkaji sendiri setelah mendapat persetujuan dari pihak sekolah akan tarikh dan masa yang sesuai untuk dijalankan ujian bagi mengelak sebarang gangguan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, satu set soal selidik telah dibina berdasarkan aspek-aspek kajian yang telah ditetapkan. Soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan data demografi murid-murid dan bahagian B berkaitan dengan amalan pembelajaran bahasa Arab khususnya kemahiran menulis.

Prosedur seterusnya adalah temu bual bersama guru-guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui program j-QAF. Soalan-soalan temu bual telah disemak dan dihalusi dengan bantuan daripada penyelia. Setelah semakan dan pengubahsuaian dilakukan, soalan temu bual tersebut dianggap sesuai dan dapat mencapai tujuan kajian. Pengkaji telah menghubungi guru-guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk ditemu duga. Pada masa yang sama juga, pengkaji mengatur masa bagi menjalankan ujian kemahiran menulis bahasa Arab dan soal selidik bersama responden. Sebelum ianya dijalankan, pengkaji terlebih dahulu memberi taklimat ringkas mengenai tujuan dan cara menjawab soal selidik dan ujian kemahiran menulis tersebut.

Sepanjang prosedur penyelidikan ini, pengkaji tidak menjalankan kajian rintis sebagai medium pengujian kerelevanan soal selidik dan temu bual dalam kajian ini. Hal ini kerana, hampir keseluruhan dari kandungan soal selidik dan temu bual kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian lepas yang telah dilakukan. Kajian-kajian lepas tersebut dipilih disebabkan bidang kajian yang telah dijalankan begitu mirip dengan kajian yang akan dijalankan.

3.6 Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, terdapat tiga instrumen kajian yang digunakan bagi mendapatkan data untuk dianalisis iaitu ujian kemahiran menulis bahasa Arab, soal selidik murid-murid dan temu bual bersama guru-guru bahasa Arab. Ketiga-tiga instrumen kajian ini dipilih bagi mengukur dan menentukan tahap sebenar penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid-murid sekolah rendah berdasarkan kepada objektif kemahiran menulis bahasa Arab yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

3.6.1 Ujian Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Satu set ujian kemahiran menulis bahasa Arab ditadbir oleh pengkaji untuk menilai penguasaan responden dalam penulisan bahasa Arab.

Menurut Abdul Aziz (1993),

Ujian dalam penilaian memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan bahasa. Ujian dan penilaian bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan kedua-dua pihak, iaitu : guru dan pelajar, dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang telah berlaku.

(Abdul Aziz, 1993:32)

Justeru itu, pengkaji telah merangka satu set soalan ujian kemahiran menulis bahasa Arab bagi melihat kemampuan murid-murid bagi mendapatkan gambaran tepat mengenai tahap kemahiran tersebut. Oleh kerana objektif kajian ini bertujuan untuk meninjau penguasaan murid-murid dalam kemahiran menulis bahasa Arab menurut objektif yang telah ditetapkan, maka aspek-aspek yang dinilai dan diukur dalam ujian

ini adalah berdasarkan skema objektif pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang telah disukat dan ditentukan dalam huraian sukatan pelajaran bahasa Arab komunikasi KBSR tahun enam edisi semakan tahun 2004.

Pembinaan soalan ujian adalah dari contoh-contoh soalan yang diambil dari buku teks, buku rampaian, buku latihan, dan juga koleksi soalan peperiksaan lepas. Sebelum kertas ujian ini diedarkan kepada murid-murid selaku responden, pengkaji terlebih dahulu mengemukakan set ujian kemahiran menulis ini kepada guru-guru bahasa Arab j-QAF bagi tujuan pengesahan ketepatan soalan ujian tersebut berdasarkan objektif kemahiran menulis yang dikehendaki. Selain daripada itu juga, pengkaji juga telah berhubung dan berbincang dengan salah seorang penilai dalam kurikulum j-QAF berkenaan pembinaan set soalan ini bagi menjamin ianya lebih tepat dan mempunyai nilai keesahan yang tinggi.

Sebanyak 14 soalan telah dibina berdasarkan kehendak objektif yang ingin dicapai dalam kemahiran menulis. Berikut adalah jadual pembinaan 14 soalan ujian berdasarkan kepada 7 objektif kemahiran menulis dalam pembahagian 3 peringkat kemahiran tersebut.

Jadual 3.1 : Pembinaan Soalan Ujian

Bilangan soalan ujian	7 Objektif kemahiran menulis	3 Peringkat kemahiran
Soalan 1 (Menyalin semula huruf)	1. Menulis huruf dan perkataan dengan betul	Pertama
Soalan 2 (Menyambung huruf)		
Soalan 3 (Memilih perkataan yang betul)	2. Menulis perkataan berdasarkan kaedah yang betul dan memahaminya	
Soalan 4 (Isi tempat kosong berdasarkan gambar)		
Soalan 5 (Menukar pola kata kerja)		
Soalan 6 (Pilih dan tulis jawapan yang betul)	3. Menulis susunan (tarkīb) serta mengulangnya	
Soalan 7 (Susun dan tulis)	4. Membina ayat berdasarkan kaedah yang betul dan memahaminya	Kedua
Soalan 8 (Tentukan struktur ayat)	5. Membina ayat kerjaan dan namaan serta mampu membezakannya	
Soalan 9 (Bina ayat berdasarkan struktur tertentu)		
Soalan 10 (Tulis semula dengan jawapan yang betul)	6. Menulis perkataan dan ayat dan mampu memastikannya betul atau salah	Ketiga
Soalan 11 (Tentukan yang betul dan salah)		
Soalan 12 (Betulkan perkataan yang salah dalam ayat)		
Soalan 13 (Bina ayat berdasarkan gambar)	7. Menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari dan membina ayat berdasarkan situasi tertentu	
Soalan 14 (Lengkapkan perbualan)		

Soalan ujian kemahiran menulis ini diedarkan dan dikumpulkan sendiri oleh pengkaji. Pengkaji juga menyelia kelas sepanjang ujian tersebut dijalankan. Masa yang diberikan untuk menjawab ujian ini adalah selama 1 jam 30 minit.

3.6.2 Soal selidik responden

Soal selidik responden kajian telah dibina berdasarkan kepada kajian-kajian lepas. Pengkaji merangka, membina dan mengubah suai hasil daripada tinjauan beberapa set soalan soal selidik berdasarkan keperluan bidang kajian. Pengkaji turut mengadakan perbincangan bersama penyelia dan beberapa pakar dalam bidang ini sebelum ia dilaksanakan kepada murid-murid.

Maklumat dan dapatan soal selidik ini dapat membantu pengkaji mengukur tahap sebenar penguasaan responden kajian dalam kemahiran menulis bahasa Arab berdasarkan acuan objektif sukatan pelajaran bahasa Arab dan juga permasalahannya. Ia juga memberi gambaran sebenar tentang amalan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab di dalam kelas. Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu:

- i. Bahagian A

Bahagian ini terdiri daripada item-item yang berkaitan latar belakang demografi murid-murid seperti, maklumat diri, sekolah, keluarga, status sosial ekonomi keluarga, motivasi, persepsi terhadap bahasa Arab, pencapaian mata pelajaran bahasa Arab dalam peperiksaan yang lepas dan sebagainya.

Soalan yang telah dibina terdiri daripada soalan yang memerlukan jawapan tertutup, dan soalan pilihan jawapan tertutup dan terbuka. Murid-murid hanya diminta untuk memilih jawapan yang telah disediakan dan menandakan pilihan mereka di ruang yang telah disediakan. Akan tetapi terdapat juga soalan yang menghendaki murid-murid menjawabnya secara terbuka setelah jawapan mereka tiada dalam pilihan yang telah disediakan.

Soalan jenis ini mungkin mengehadkan maklumat berkaitan dengan kajian namun ia lebih menyenangkan pengkaji untuk menganalisa, dan juga memudahkan murid-murid menjawab serta tidak memakan masa yang terlalu lama.

ii. Bahagian B

Bahagian ini pula terdiri daripada item-item yang berfokus kepada bidang kajian seperti penguasaan dan amalan dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Soalan-soalan dibina berpandukan kepada Skala Likert lima mata, iaitu responden diberi lima pilihan sama ada:

1. Sangat setuju
2. Setuju
3. Kurang setuju
4. Tidak setuju
5. Sangat tidak setuju

Di peruntukan masa selama 30 minit untuk menjawab soal selidik ini. Pengkaji sendiri mengedarkan dan mengumpulkan soal selidik berkenaan. Pengkaji juga memberikan taklimat kepada murid-murid responden sebelum mereka memilih jawapan.

3.6.3 Temu Bual

Pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual, kaedah ini dijalankan ke atas empat orang guru bahasa Arab bagi melihat permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid serta guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui program j-QAF. Selain daripada itu juga, temu bual ini juga untuk mendapatkan cadangan daripada mereka untuk meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab khususnya kemahiran menulis bahasa Arab.

Kaedah temu bual ini memang merupakan satu teknik pengumpulan data paling penting yang boleh dilakukan oleh para penyelidik kualitatif. Seorang pengkaji dalam bidang pendidikan, Patton (1990) mengemukakan bahawa:

'We interview people to find out from them those things we cannot directly observe..... We cannot observe everything.... We have to ask questions about those things'.

(Patton M. Q., 1990)

Denzin N. K. dan Lincoln Y.S. (1994) juga telah mengatakan,

'The Spoken or written word has always a residue of ambiguity, no matter how carefully we word the question and report or code the answers. Yet interviewing is one of the most common and most powerful ways we use to understand our fellow human beings'.

(Denzin N.K & Lincoln Y.S:1994)

Justeru itu, kegiatan temu bual dengan beberapa orang guru bahasa Arab adalah kaedah paling baik yang dapat digunakan oleh pengkaji demi memperoleh maklumat yang lebih mendalam dan pada masa yang sama dapat bertindak sebagai pemantau kepada jawapan-jawapan yang dibekalkan oleh responden. Pengkaji cuba untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang lebih mendalam tentang pandangan sikap responden terhadap pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab, masalah yang dihadapi semasa proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab.

Temu bual ini dibina secara semi struktur. Kaedah temu bual semi struktur terletak di antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam temu bual semi struktur, pengkaji menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan, tetapi penemubual juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya (Chua Yan Piaw, 2006). Galakan minimum diberikan kepada

subjek kajian iaitu guru-guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk memperoleh maklumat lanjut mengenai isu berkaitan yang memerlukan penjelasan lanjut.

Soalan akan difokuskan untuk mendapatkan maklumat mengenai tindak balas pelajar terhadap bahasa Arab serta masalah utama yang dihadapi guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah kebangsaan.

Temu bual ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu latar belakang guru tersebut serta maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Pengkaji mengajukan soalan-soalan temu bual kepada subjek temu bual iaitu guru-guru yang terlibat dan mencatat jawapan mereka serta merakam sepanjang sesi temu bual tersebut dijalankan bagi mengelak daripada keciciran data. Pengkaji juga meminta kebenaran terlebih dahulu daripada guru-guru berkenaan terlebih dahulu sebelum proses rakaman sepanjang sesi temu bual tersebut dijalankan.

3.7 Penganalisan Data

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, pengkaji telah membahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan instrumen yang digunakan, iaitu:-

Bahagian 1 : Soal Selidik Murid-murid

Data yang diperoleh daripada soal selidik yang telah dijalankan turut dianalisis dengan menggunakan kemudahan pakej program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* dan secara manual untuk menghitung dan mengemas kini dapatan data kajian. Analisa ini bagi mendapatkan nilai frekuensi, kekerapan dan peratusan bagi setiap item soal selidik berdasarkan objektif kajian.

Bahagian 2: Ujian Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Ujian ini dinilai bersama guru bahasa Arab j-QAF tahun enam dan pengkaji. Hal ini bertujuan bagi menjamin nilai keesahan pemeriksaan kertas ujian tersebut. Markah diberikan untuk melihat tahap penguasaan sebenar murid-murid terhadap kemahiran menulis bahasa Arab. Skor dan gred pemarkahan adalah berdasarkan kepada gred-gred A, B, C, D dan E mengikut skala pemarkahan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Seterusnya data dari ujian kemahiran menulis ini akan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* dan secara manual untuk mendapatkan nilai frekuensi, min, mod, julat skor, dan peratusan.

Bahagian 3 : Temu Bual Guru Bahasa Arab

Setelah rakaman temu bual bersama guru bahasa Arab dijalankan, pengkaji akan mendengar kembali dan seterusnya akan mentranskripsikan bagi setiap item soalan temu bual tersebut. Kemudian, pengkaji akan menganalisis dan menginterpretasikan setiap data tersebut berdasarkan hasil transkripsi rakaman jawapan temu bual bersama guru bahasa Arab.

3.8 Penutup

Tinjauan deskriptif adalah bentuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji secara amnya. Tiga instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data iaitu satu set soalan ujian kemahiran menulis bahasa Arab, soal selidik murid-murid dan temu bual bersama guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Proses pengumpulan data dijalankan sendiri oleh pengkaji sebelum memulakan penganalisan data yang telah terkumpul. Pada peringkat akhirnya, pengkaji akan menyatakan kesimpulan terhadap dapatan kajian yang telah dijalankan.